

Cabaran negara menjelang tahun 2020

B.H 31 AUG 1993

Hadapi perubahan

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat cabaran yang akan dihadapi oleh negara berikutan keadaan dunia yang sudah mengalami banyak perubahan.

"Dunia sudah mengalami banyak perubahan. Kini Perang Dingin sudah berakhir. Namun, ia tidak menunjukkan bahawa dunia akan menjadi lebih aman dan konflik akan berkurangan. Sebaliknya, di beberapa tempat di du-

nia kita melihat konflik yang lebih dahsyat," katanya dalam perutusan Hari Kemerdekaan ke-36 menerusi Radio dan Televisyen Malaysia, di sini, malam ini.

Perayaan peringkat kebangsaan bertema 'Bersatu Menuju Wawasan' diadakan di Kuching, Sarawak.

Perdana Menteri juga berkata dagangan dunia terus bertambah sukar kerana negara-negara maju yang dahulu menjunjung dagangan bebas,

kini asyik menyekat dagangan untuk mengelak saingan daripada negara-negara industri baru dari Selatan.

"Kita perlu atasi cabaran yang datang dari negara-negara maju ini. Kita sudah menentukan matlamat kita. Kita ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020; negara maju yang menguasai segala kecekapan pentadbiran, dagangan, ilmu dan industri di tahap yang sama tinggi dengan negara yang sudah maju, teta-

pi kekal dengan nilai-nilai murni dan cara hidup yang mulia.

"Dengan kemajuan ini, kita percaya akan lebih mampu bersaing dan mempertahankan kemerdekaan negara. Jika kita berjaya dalam usaha ini, maruah bangsa dan keaulatan negara Malaysia akan terpelihara. Di samping itu, kita akan bebas daripada sebarang tekanan daripada luar. Kehidupan semua rakyat akan menjadi lebih bahagia," katanya.

Oleh itu, beliau berkata tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, 'Bersatu Menuju Wawasan' amatlah tepat sekali. Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, rakyat berbilang kaum perlu bersatu hati dan tenaga. Hanya dengan bersatu padu sahaja dapat menentukan tidak ada pihak yang boleh menggagalkan hasrat negara untuk menjadi negara maju yang bebas.

Bagaimanapun, katanya, dalam menuju matlamat menjadi negara maju,

dunia

banyak ranjau yang perlu dilalui serta cabaran dan dugaan yang terpaksa ditempuhi. Ini kerana tidak ada jalan yang mudah dalam usaha mencapai sesuatu yang menjadi idaman.

"Ketika kita menuntut kemerdekaan daripada penjajah dahulu, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi.

"Kemudian ada pula pihak yang pesimistik bahawa kita boleh berjaya jika kita merdeka kerana kita mengandungi pelbagai

kaum. Tetapi kita dapat mencipta satu formula politik untuk bekerjasama yang kemudian menular ke bidang lain.

"Walaupun ada ketika itu pihak yang cuba membakar api perkauman dan perpecahan tetapi majoriti rakyat menolak mereka. Sebaliknya, saranan supaya diwujudkan perpaduan kaum berhasil dan kita telah dapat mengecewakan pihak

LIHAT MUKA 2

Kebebasan

perlu

B.H. 3 1 AUG 1993

ada had

DARI MUKA 1

yang pesimis. Hari ini banyak badan antarabangsa dan negara yang ingin mempelajari asas perpaduan kita," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya jangan terpedaya dengan demokrasi Barat kerana ia boleh mencetuskan malapetaka seperti perpecahan dan keganasan kaum.

Menurut Perdana Menteri, ada negara Barat mencemuh sistem demokrasi negara ini yang didakwa tidak cukup demokratik kerana sematamata mahu Malaysia mengamalkan demokrasi mereka yang membawa keadaan tidak stabil, kemerosotan ekonomi dan kemiskinan.

Dr Mahathir berkata, Barat mahu supaya Malaysia menjadi negara Soviet dan Yugoslavia yang sekarang menghadapi rusuhan kaum dan tidak stabil. Negara terbabit kini lemah, hancur dan tidak

berupaya bersaing dengan negara Barat.

Beliau berkata, kebebasan yang keterlaluan bukanlah demokrasi tetapi anarki, keadaan tanpa undang-undang.

"Sebaliknya, kebebasan perlu ada had kerana kita tidak mahu kebebasan satu pihak menjadi tekanan kepada pihak lain.

"Kita mengamalkan demokrasi dengan memilih wakil mereka secara bebas. Inilah asas demokrasi yang terpenting.

"Kebebasan yang keterlaluan tetap mengancam masyarakat. Jika tidak ada sekatan terhadap politik perkauman umpamanya, hari ini ketegangan dan rusuhan kaum pasti akan berlaku," katanya.

"Rakyat Malaysia janganlah mudah terpedaya dengan saranan pihak asing ini. Mereka hanya ingin kita terus mundur dan tidak dapat bersaing dengan mereka," katanya.